

1979

ALOR SETAR, 4 NOV. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MENEGASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU MEM-PUNYAI KEYAKINAN PENUH TERHADAP KEJUJURAN PARA MAHASISWA MASA INI UNTUK BERKHIDMAT BAGI MEMAJUKAN RAKYAT DAN NEGARA.

KATANYA, BELIAU TIDAK MEMPUNYAI SYAK WASANGKA TERHADAP KEJUJURAN DAN KEAZAMAN MEREKA UNTUK TURUT TERUSAHA PERSAMA KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA BUKAN SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI TETAPI KHUSUSNYA UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, PARA MAHASISWA SEKARANG TELAH SEDAR BAHAWA MEREKA BERPELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI SEMATA-MATA KERANA RAKYAT TELAH MENENTUKAN PENURUHAN SEBUAH KERAJAAN YANG MENITIK-BERATKAN SOAL PELAJARAN BAGI ANAK-ANAK MEREKA.

KALAU RAKYAT TIDAK MENYOKONG USAHA-USAHA UNTUK MENDAPATKAN KEMER-DEKAAN DARI PADA PENJAJAH DULU MAKA NEGARA TIDAK AKAN MERDEKA DAN UNIVERSITI TIDAK AKAN UJUD SEPANYAK YANG ADA SEKARANG DI NEGARA INI TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1725/YF
MAHATHIR-SISWA 2 ALOR SETAR

DENGAN ITU SUDAH HARUSLAH PARA MAHASISWA SAKELIAN MERASAI TER-HUTANG BUDI KEPADA RAKYAT, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PROJEK BAKTI-SISWA KEDUA ANJURAN PERSATUAN KEAJIKAN MAHASISWA KEDAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI KAMPUNG KUEANG PASU, 22 BATU DARI SINI.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA PROJEK BAKTISISWA ITU TELAH LAMA DIFIKIR DAN DILAKSANAKAN OLEH KERANA MINAT MAHASISWA DAN MAHASISWI UNTUK MENOLONG RAKYAT YANG TELAH MEMBOLEHKAN MEREKA MENDAPAT PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA INI.

TETAPI SETELAH BERJALAN BEBERAPA TAHUN DATANGLAH ANASIR-ANASIR YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI DAN MEREKA CUBA MEMPENGARUHI SEGOLONGAN KECIL MAHASISWA PADA SATU KETIKA DULU SUPAYA MENIMBULKAN MASALAH DI KAMPONG-KAMPONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN KECIL MAHASISWA YANG TIDAK BERTANGGONGJAWAB DAN TELAH DIPENGARUHI OLEH ANASIR-ANASIR TERSEBUT TELAH PERGI KE KAMPUNG-KAMPUNG DAN CUCUK PENDUDUK-PENDUDUK SUPAYA MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN TERHADAP KERAJAAN KONONNYA PENDUDUK-PENDUDUK SEBUAH KAMPUNG DI NEGERI KEDAH MENGHADAPI KEBULURAN. --

BERSAMBUNG 1730/YF
MAHATHIR-SISWA 3 ALOR SETAR

TINDAKAN GOLONGAN TERSEBUT TUKAN SAHAJA TELAH MEMBURUKKAN NAMA BAIK PARA MAHASISWA TETAPI JUGA TELAH MEMANGKITKAN PERASAAN MARAH RAKYAT TERHADAP MEREKA, TAMPAHNYA.

BELIAU MENEGASKAN, +KEBULURAN TIDAK AKAN BERLAKU DI NEGARA INI KERANA SUDAH MENJADI TABIAT DAN ADAT MASYARAKAT KAMPUNG TIDAK AKAN TERBARKAN JIRAN-JIRAN MEREKA HIDUP TANPA MAKAN APA TAH LAGI MATI KEBULURAN.+

KATANYA, APABILA ADA KEJADIAN SEPERTI ITU YANG BOLEH MEREBAK DAN MEMBAWA MUDZARAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA MAKA KERAJAAN TERPAK-SA MENGADAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENYEKAT PARA PELAJAR DARIPADA MENJALANKAN KEGIATAN JAHAT ITU.

TETAPI KERAJAAN TIDAK BERNIAT HENDAK MENYEKAT PARA MAHASISWA DARIPADA MELAKSANAKAN KERJA-KERJA BAIK DAN PROJEK BAKTISISWA ADALAH DIKTIRAF DAN DIGALAKKAN OLEH KERAJAAN KERANA IA MENDEKATKAN MAHASISWA DENGAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPONG. TEKANYA LAGI.

KATANYA, 'PARA MAHASISWA DAN MAHASISWI HARUS MENGETAHUI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT KERANA DENGAN ITU MEREKA DAPAT MENCARI JALAN UNTUK MENOLONG MASYARAKAT MENGATASI MASALAH ITU.+
-- BERNAMA 1735/YF